



## UNTUK KEGUNAAN PENTADBIRAN BAHAGIAN BETONG

### Senarai Semak Dokumen yang Diperlukan:

| PERMOHONAN LESEN BAHARU PEMBERI PINJAM WANG |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|---------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                             | Surat Iringan permohonan lesen baharu Pemberi Pinjam Wang ditandatangani oleh Pemilik / Pengarah dan ditarikahkan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|                                             | Satu salinan kad pengenalan pemohon yang disahkan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|                                             | Borang J (borang cukai pendapatan) bagi tempoh dua tahun yang lalu dan satu salinan penyata akaun bank yang diperakui                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|                                             | Akuan berkanun seperti yang dinyatakan dalam Jadual C (Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan Dan Pelesenan) 2003 (Subperaturan 4(1))                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|                                             | <p>Salinan yang diperakui surat daripada pegawai polis berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas atau oleh Pegawai yang bertanggungjawab bagi Daerah Polis di tempat pemohon tinggal, memperakukan bahawa –</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Pemohon, jika pemohon adalah seorang individu;</li><li>b) Kesemua rakan kongsi, jika pemohon adalah sebuah firma;</li><li>c) Kesemua pemegang jawatan, jika pemohon adalah sebuah pertubuhan atau suatu kumpulan orang; atau</li><li>d) Kesemua lembaga Pengarah, jika pemohon adalah sebuah syarikat,</li></ul> <p>adalah orang yang sesuai untuk dilesenkan sebagai pemberi pinjam wang seperti yang dikehendaki di bawah subperaturan 4(2). Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan Dan Pelesenan) 2003.</p> |
|                                             | Laporan semakan kebangkrapan daripada Jabatan Insolvensi bagi memenuhi Seksyen 9 (1) (a) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 (Akta 400)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |

| Jika pemohon adalah sebuah firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat: |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                             | Satu salinan kad pengenalan bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah yang telah disahkan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|                                                                             | <p>Satu salinan dokumen-dokumen dan maklumat sedemikian sebagaimana ditentukan yang telah disahkan; Seksyen 5A(1) Akta Pemberi Pinjam Wang . Minimum modal RM2 juta dan kemukakan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyata bank terkini yang disahkan oleh Pegawai Bank; atau</li> <li>• Simpanan tetap yang belum mencapai tarikh matang; atau</li> <li>• Borang 24 – Saham Syarikat (<i>Return of Allotment of Shares</i>) Seksyen 54 (1); atau</li> <li>• <i>Form of Annual Return Of A Company</i></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|                                                                             | Satu salinan akuan berkanun bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah seperti yang dinyatakan dalam Jadual C                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|                                                                             | Satu salinan yang diperakui butir-butir dalam Borang 13 (jika ada), 24, 49 dan borang keuntungan tahunan terkini di bawah Akta Syarikat 1965(Pindaan 2016) (bagi syarikat sahaja) / <i>e-infoSSM</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|                                                                             | <p>Satu salinan yang diperakui surat daripada pegawai polis berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas atau oleh Pegawai yang bertanggungjawab bagi Balai Polis Daerah di tempat pemohon tinggal, memperakukan bahawa –</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pemohon, jika pemohon adalah seorang individu;</li> <li>b) Kesemua rakan kongsi, jika pemohon adalah sebuah firma;</li> <li>c) Kesemua pemegang jawatan, jika pemohon adalah sebuah pertubuhan atau suatu kumpulan orang; atau</li> <li>d) Kesemua lembaga Pengarah, jika pemohon adalah sebuah syarikat,</li> </ol> <p>adalah orang yang sesuai untuk dilesenkan sebagai pemberi pinjam wang seperti yang dikehendaki di bawah subperaturan 4(2). Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan Dan Pelesenan) 2003</p> |
|                                                                             | <p>Dokumen lain yang perlu dilampirkan mengikut kategori:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Syarikat Berhad - satu salinan Memorandum Pertubuhan dan Artikel Pertubuhan;</li> <li>b. Firma - satu salinan sijil pendaftaran perniagaan dan suatu salinan perjanjian perkongsian;</li> <li>c. Pertubuhan - satu salinan kaedah-kaedah atau undang-undang kecil</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|                                                                             | <p>Laporan semakan kebangkrapan daripada Jabatan Insolvensi menurut Seksyen 9 (1) (a). Laporan semakan kebangkrapan daripada Jabatan Insolvensi bagi memenuhi Seksyen 9 (1) (a) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 (Akta 400)</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |

| <b>Pembaharuan Lesen Pemberi Pinjam Wang</b> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|----------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                              | Surat Irian                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|                                              | <p>Jadual D (Borang Permohonan Pembaharuan Lesen Baru Pemberi Pinjam Wang)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Butir-butir pemberi pinjaman wang</li> <li>ii. Butir-butir pemegang jawatan dalam organisasi</li> <li>iii. Status perubahan dalam organisasi</li> <li>iv. Rekod transaksi</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|                                              | Salinan Pendaftaran perniagaan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|                                              | <p>Penyata Bagi Modal Berbayar / Bayaran Minimum RM 100,000.00 :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dalam bentuk penyata akaun atas nama pemilik/perniagaan (bagi milikan tunggal) atau atas nama Syarikat (bagi perkongsian)</li> <li>ii. Dalam bentuk <i>Form of Annual Return</i> (bagi syarikat yang ditubuhkan selepas dua tahun) yang menyatakan modal berbayar RM 100,000.00 (Seksyen 5A(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan 2011) dan Subperaturan 5(1)(c) Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Perlesenan) 2003</li> <li>iii. Penghantaran penyata Transaksi Tahunan hendaklah tidak lewat hari pertama bulan Februari setiap tahun (Subperaturan16(1) Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Perlesenan) 2003</li> </ul> |